



**NOTIS MAKLUMAN KEPADA PELAJAR FAKULTI SAINS GUNAAN BERKAITAN
PELAKSANAAN AKTIVITI PENGAJARAN & PEMBELAJARAN (P&P)
UNTUK SEMESTER KEDUA, SESI 2019/2020**

As Salam dan Salam Sejahtera,

Berikut adalah beberapa makluman penting berkaitan akademik untuk semua pelajar Fakulti Sains Gunaan. Pindaan Kalendar Akademik Bagi Sesi II Dan Sesi III 2019/2020 (Pengawalan Wabak Covid19) adalah dirujuk.

1. Fakulti Sains Gunaan akan mengikuti baki sesi perkuliahan bermula dari **13 April 2020** iaitu pada sesi **Kuliah 2 (13 April – 24 Mei)** dan **Kuliah 3a (4 Jun -1 Julai)**.
2. Semua sesi P&P sepanjang semester ini untuk peringkat diploma, sarjana muda, sarjana dan pascasiswazah akan dijalankan **secara atas talian sahaja** iaitu mod *open and distance learning* (ODL) bermula 13 April 2020.
3. **Tiada peperiksaan akhir** akan dijalankan.
4. Semua pelajar **tidak dibenarkan** kembali ke Fakulti Sains Gunaan atau memasuki kampus sepanjang semester ini.
5. Sesi Kuliah & Tutorial:
 - a. Menjadi tanggungjawab setiap pelajar untuk mengikuti sesi kuliah dan tutorial dengan pensyarah secara atas talian.
 - b. Pelajar perlu berbincang dan mencapai persefahaman dengan pensyarah untuk menggunakan aplikasi yang mudah untuk dicapai.
 - c. Mohon maklumkan sekiranya ada masalah internet agar kaedah perhubungan lain dapat diatitkan.
 - d. Sekiranya ada sebahagian pelajar tidak mendapat akses internet langsung, maka nota kuliah dan pelbagai dokumen P&P lain akan dihantar kepada pelajar melalui perkhidmatan pos.
6. Sesi Makmal & Bengkel
 - a. Aktiviti makmal dan bengkel hanya boleh dilakukan secara atas talian melalui demo/ simulasi/ video atau kaedah *problem-based learning* (PBL) sahaja.
 - b. Pelajar perlu menghantar laporan secara atas talian untuk setiap sesi yang dijalankan untuk diberi penilaian.
7. Projek Tahun Akhir
 - a. Kursus Projek Tahun Akhir 1 (FYP1) merupakan peringkat cadangan penyelidikan, maka sesi pelajar bersama penyelia boleh dilakukan secara atas talian.
 - b. Untuk Projek Tahun Akhir 2 (FYP2), setiap projek boleh dilaksanakan secara:

UNTUK EDARAN DALAMAN FAKULTI SAINS GUNAAN SAHAJA

- i) Problem based learning (PBL)
 - ii) Kajian kes (analisis data daripada sumber internet atau sumber rujukan lain), atau
 - iii) *Dry lab* (penggunaan simulasi komputer dan sebagainya).
 - c. Pelajar masih perlu membuat pembentangan iaitu secara atas talian atau rakaman video.
8. Latihan Industri (LI)
- a. Secara dasarnya, pelajar yang telah mencapai minima 70-80% LI adalah mencukupi untuk lulus.
 - b. Sebagai ringkasan, untuk LI ini, berikut adalah ketetapan FSG:
 - i) Pelajar *work from home* (pilihan pertama), ATAU
 - ii) Koodinator/*Resource Person* LI perlu membuat pengubahsuaian LI dengan kaedah atau alternatif lain yang bersesuaian, ATAU
 - iii) Pelajar tangguh LI ke semester hadapan
 - c. Sebarang perubahan lain bergantung kepada keadaan semasa dan mengikut pekeliling Naib Canselor dan arahan Majlis Keselamatan Negara (MKN) yang terkini.
9. Penyelidikan Pascasiswazah
- a. Semua isu berkenaan dengan program penyelidikan pascasiswazah perlu merujuk kepada notis awal yang dikeluarkan oleh Ketua Pusat Pengajian Pascasiswazah FSG bertarikh 7 April 2020.
 - b. Secara dasarnya, bagi pelajar mod penyelidikan,
 - i) Segala aktiviti pembelajaran yang melibatkan makmal/ bengkel/ kajian lapangan dan sebagainya **tidak dibenarkan** semasa PKP dan juga selepas PKP tamat
 - ii) Pelajar amat digalakkan untuk menjalankan aktiviti lain seperti penulisan bab-bab disertasi dan *literature review* dalam semester ini dan penulisan untuk penerbitan
 - iii) Namun begitu, pelajar boleh memohon kebenaran fakulti untuk meneruskan makmal atau lapangan selepas 4 Jun 2020. Fakulti perlu melaporkan kepada Pusat Kesihatan UiTM senarai pelajar yang berada di makmal/ bengkel/ kerja lapangan (**tertakluk kepada prosedur semasa UiTM**)
 - c. Proses akademik lain akan berjalan seperti biasa tetapi secara digital mengikut Garis Panduan IPSis.
 - d. Untuk UPTA, tugas telah bermula dari **1 April 2020**. UPTA boleh ditugaskan untuk membantu pensyarah dalam penyediaan bahan-bahan P&P untuk *platform* atas talian.

Notis ini telah disediakan dengan merujuk kepada beberapa dokumen semasa, pekeliling Naib Canselor dan Timbalan Naib Canselor (Akademik) terkini dan siri mesyuarat di peringkat fakulti.

Untuk sebarang pertanyaan lanjut berkenaan dengan garis panduan atau aktiviti akademik di FSG, mohon hubungi Koordinator Program anda di fakulti.

Semua pelajar Fakulti Sains Gunaan diminta untuk mematuhi keputusan ini dan merujuk kepada Kalendar Akademik UiTM yang terkini untuk tarikh-tarikh penting aktiviti akademik.

PROF DR HJH FARIDA ZURAINA MOHD YUSOF

Dekan

9 April 2020